

# Kata Bantu

---

## Info Kata Bantu

Kata Bantu terbahagi kepada dua kumpulan.

1. **Kata Bantu Aspek**

- Kata yang menerangkan sesuatu perbuatan dari segi masa.

Contoh:

<i>Sudah berlaku</i>	-	<i>sudah, telah, pernah</i>
<i>Sedang berlaku</i>	-	<i>sedang, masih</i>
<i>Belum berlaku</i>	-	<i>belum, akan</i>

- Kata bantu hadir sebelum kata kerja.
- Sesetengah kata bantu aspek boleh hadir bersama-sama.

Contoh:

*belum pernah*  
*masih belum*  
*telah pernah*  
*masih sedang*  
*sudah pernah*

## 2. Kata Bantu Ragam

- Kata yang menerangkan ragam yang berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang itu.

Contoh:

*Mesti melakukan* - *mesti, harus*  
*Hendak melakukan* - *hendak, mahu*  
*Berkeupayaan melakukan* - *boleh, dapat*

- Kata bantu aspek juga boleh hadir secara berderetan dengan kata bantu ragam, sama ada mendahuluinya atau mengikutinya.

Contoh:

### **Kata Bantu Aspek + Kata Bantu Ragam**

sedang hendak  
masih belum  
belum boleh  
belum hendak  
akan dapat


### **Kata Bantu Ragam + Kata Bantu Aspek**

harus sudah  
harus telah  
mesti akan  
mesti sudah  
mesti telah

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Masa menjawab soalan itu \_\_\_\_\_ tamat.  
A sudah  
B lalu  
C mesti  
D sedang
  
2. Salmiah \_\_\_\_\_ tinggal serumah dengan Amirah suatu ketika dahulu.  
A sudah  
B sedang  
C pernah  
D masih
  
3. Dalam pertandingan bola sepak itu, pasukan sekolah Ali \_\_\_\_\_ kalah.  
A sudah  
B telah  
C masih

**Soalan 4** berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

4. Chef Nizam \_\_\_\_\_ mengangkat kek dari ketuhar.  
A sedang  
B masih  
C telah  
D mesti

5. Encik Ahmad \_\_\_\_\_ melawat jirannya di hospital.
- A dapat
  - B hendak
  - C boleh
  - D harus
6. Amir Izzat \_\_\_\_\_ mandi ketika saya ke rumahnya.
- A mesti
  - B harus
  - C mahu
  - D sedang
7. Rombongan kami \_\_\_\_\_ bertolak ke Ipoh pada pukul 9.00 pagi tadi.
- A sedang
  - B harus
  - C akan
  - D telah
8. Siapakah yang \_\_\_\_\_ dipersalahkan dalam kejadian ini?
- A dapat
  - B mesti
  - C harus
  - D sudah
9. Kamu \_\_\_\_\_ pandai memujuk hatinya yang luka itu.
- A mesti
  - B sedang
  - C sudah
  - D akan
10. Pasukan sekolah Syafiq \_\_\_\_\_ menjadi johan dalam perlawanan bola sepak semalam.
- A harus
  - B akan
  - C telah
  - D mesti

11. Cikgu Kalsom \_\_\_\_\_ ke Pulau Tioman pada hujung minggu hadapan.
- A belum
  - B akan
  - C telah
  - D pernah
12. Puan Khatijah \_\_\_\_\_ menjahit baju sutera itu lagi.
- A telah
  - B akan
  - C belum
  - D pernah
13. Shasha \_\_\_\_\_ pergi ke sekolah pagi esok.
- A akan
  - B dapat
  - C sudah
  - D telah
14. Zamili \_\_\_\_\_ menyiapkan kerja sekolahnya semalam.
- A masih
  - B sudah
  - C pernah
  - D sedang
15. Pak Abu \_\_\_\_\_ menghabiskan ubat yang diberikan oleh doktor.
- A sedang
  - B pernah
  - C masih
  - D mesti
16. Ali dan Salim \_\_\_\_\_ makan nasi goreng kampung.
- A mesti
  - B harus
  - C sedang
  - D dapat

17. Cikgu Azmir belum \_\_\_\_\_ mengajar murid-murid di kelas KIA2M .
- A sedang
  - B pernah
  - C telah
  - D akan
18. Khalid, Riduan, dan Hashim \_\_\_\_\_ menyertai pasukan bola sepak negara setelah menjalani beberapa sesi ujian.
- A dapat
  - B mesti
  - C masih
  - D sedang
19. Walaupun menghadapi pelbagai halangan, Siti \_\_\_\_\_ tetap bersabar.
- A telah
  - B mahu
  - C masih
  - D hendak
20. Semua pengawas sekolah \_\_\_\_\_ memakai tali leher pada setiap hari Isnin.
- A akan
  - B mahu
  - C belum
  - D sedang
21. Walaupun telah dijelaskan oleh guru, namun \_\_\_\_\_ ramai murid yang melakukan kesalahan.
- A hendak
  - B masih
  - C dapat
  - D akan
22. Samad dan Farid \_\_\_\_\_ melanggar peraturan sekolah dan mereka telah didenda oleh guru disiplin.
- A akan
  - B belum
  - C telah
  - D harus

23. Semua murid Tahun 6 \_\_\_\_\_ menduduki peperiksaan UPSR pada bulan September ini.
- A akan
  - B perlu
  - C belum
  - D masih
24. Pakaian yang dijemur oleh ibu pagi tadi \_\_\_\_\_ kering sepenuhnya.
- A dapat
  - B belum
  - C pernah
  - D sedang
25. Khairul \_\_\_\_\_ menghadiri aktiviti kokurikulum pada petang ini.
- A sedang
  - B masih
  - C akan
  - D telah
26. Walaupun terpisah jauh, Salina dan Mariam \_\_\_\_\_ berhubung.
- A akan
  - B perlu
  - C masih
  - D harus
27. Majlis perpisahan Guru Besar \_\_\_\_\_ diadakan pada pagi tadi.
- A pernah
  - B akan
  - C mahu
  - D telah
28. Cikgu Razak \_\_\_\_\_ menjadi guru saya pada suatu ketika dahulu.
- A sudah
  - B telah
  - C akan
  - D pernah

29. Puan Marina Chin \_\_\_\_\_ berbual-bual dengan Puan Fauziah.
- A akan
  - B mesti
  - C sudah
  - D sedang
30. “Adib \_\_\_\_\_ belajar rajin – rajin untuk berjaya,” kata ibunya.
- A mesti
  - B mahu
  - C belum
  - D pernah

**Soalan 31** berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

31. Ahmad \_\_\_\_\_ mengulang kaji pelajaran walaupun hari sudah lewat malam.
- A masih
  - B telah
  - C boleh
  - D harus
32. Eksperimen itu \_\_\_\_\_ siap dijalankan oleh mereka semalam.
- A telah
  - B masih
  - C mesti
  - D akan



33. Abang Long \_\_\_\_\_ membaiki basikal ketika kami tiba di rumah.
- A sedang
  - B pernah
  - C mahu
  - D mesti
34. Semua guru \_\_\_\_\_ murid-muridnya berjaya dengan cemerlang.
- A mesti
  - B mahu
  - C boleh
  - D akan
35. Ibu risau kerana adik \_\_\_\_\_ pulang lagi dari sekolah.
- A masih
  - B belum
  - C telah
  - D sudah
36. Kalau \_\_\_\_\_ berilah sedikit masa lagi untuk saya menyiapkan latihan itu.
- A mahu
  - B boleh
  - C sudah
  - D masih
37. Rozana baru bangun dan \_\_\_\_\_ bersarapan lagi.
- A akan
  - B harus
  - C belum
  - D sudah
38. Saya \_\_\_\_\_ melawat Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama keluarga pada masa cuti yang lalu.
- A pernah
  - B belum
  - C akan
  - D sedang


39. Sharifudin yang kuat makan itu \_\_\_\_\_ menghabiskan dua pinggan nasi ayam.
- A hendak
  - B pernah
  - C dapat
  - D masih
40. Bas ekspres itu \_\_\_\_\_ bertolak pada pukul 10.00 pagi tadi.
- A hendak
  - B mahu
  - C boleh
  - D telah
41. Diana \_\_\_\_\_ menjalani rawatan di hospital tetapi penyakitnya belum juga pulih.
- A sudah
  - B boleh
  - C dapat
  - D harus
42. Kereta yang terlibat dalam kemalangan petang tadi \_\_\_\_\_ ditunda ke bengkel.
- A pernah
  - B boleh
  - C telah
  - D masih
43. Kamal \_\_\_\_\_ memenangi pertandingan pidato pada tahun lepas.
- A sedang
  - B masih
  - C belum
  - D telah
44. Jamil dan Isma \_\_\_\_\_ membujang sehingga kini.
- A masih
  - B akan
  - C belum
  - D mahu

45. Puan Kartina \_\_\_\_\_ berbual-bual dengan Puan Nirmala.
- A telah
  - B sedang
  - C belum
  - D mahu
46. Saya \_\_\_\_\_ ke sekolah petang nanti kerana ada latihan bola baling.
- A telah
  - B masih
  - C belum
  - D hendak
47. Adik Alia \_\_\_\_\_ makan nasi goreng ayam dan minum air teh ais.
- A perlu
  - B mahu
  - C mesti
  - D harus
48. Azman \_\_\_\_\_ menyertai perkhemahan pengakap yang diadakan di Kem Kota, Layang-Layang Kiri.
- A sedang
  - B sudah
  - C belum
  - D boleh
49. Encik Mansor Akbar \_\_\_\_\_ mengangkat kotak yang berat itu.
- A dapat
  - B pasti
  - C mesti
  - D harus

50. Pelbagai janji manis yang dibuat oleh wakil rakyat itu \_\_\_\_\_ ditunaikan.
- A harus
  - B masih
  - C sedang
  - D boleh
51. Saya \_\_\_\_\_ menuntut di Universiti Putra Malaysia enam tahun yang lalu.
- A mahu
  - B masih
  - C pernah
  - D sedang
52. Masalah bekalan air di kawasan perumahan itu \_\_\_\_\_ dapat diatasi oleh pihak Jabatan Bekalan Air Perak.
- A boleh
  - B telah
  - C pernah
  - D sedang
53. Zainatul berasa bimbang kerana namanya \_\_\_\_\_ dipanggil dalam sesi temu duga itu walaupun hari sudah petang.
- A sudah pernah
  - B belum pernah
  - C masih belum
  - D masih sedang
54. Semua hidupan di muka bumi ini \_\_\_\_\_ mati.
- A mesti akan
  - B mesti belum
  - C masih belum
  - D masih sedang
55. Perlawanan bola jaring itu \_\_\_\_\_ bermula pada pukul 8.30 pagi tadi.
- A mesti akan
  - B mesti sudah
  - C mesti sedang
  - D masih belum

56. Amira yakin bahawa dia \_\_\_\_\_ menjawab soalan Matematik itu.
- A akan dapat
  - B sudah boleh
  - C akan pernah
  - D masih sedang
57. Lagu-lagu hasil karya penggubah terkenal itu \_\_\_\_\_ menembusi pasaran antarabangsa.
- A masih sedang
  - B mesti mahu
  - C sudah pernah
  - D akan pernah
58. Kamu \_\_\_\_\_ terlambat untuk bertaubat!
- A mesti akan
  - B belum hendak
  - C masih sedang
  - D masih belum
59. Murid-murid Tahun 4 \_\_\_\_\_ menyertai peraduan itu pada minggu hadapan.
- A belum boleh
  - B masih sedang
  - C sedang hendak
  - D masih belum

**Soalan 60** berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

60. Puan Aminah \_\_\_\_\_ melawat suaminya yang sedang sakit di hospital.
- A akan dapat
  - B sudah boleh
  - C masih sedang
  - D sedang hendak
61. Encik Kumaran \_\_\_\_\_ pergi ke Hospital Besar Ipoh pagi esok.
- A mesti
  - B dapat
  - C belum
  - D pernah
62. Kereta ayah Daud \_\_\_\_\_ perbaiki kerosakannya pada bulan lepas.
- A telah
  - B masih
  - C pernah
  - D sedang
63. Awak \_\_\_\_\_ bersedia agar tidak tewas dalam perlawanan itu nanti.
- A pernah
  - B belum
  - C harus
  - D telah
64. Walaupun tugas ini agak sukar, kamu \_\_\_\_\_ melaksanakannya juga.
- A mesti
  - B belum
  - C masih
  - D hendak
65. Buku latihan Matematik itu masih \_\_\_\_\_ disemak oleh Cikgu Hanim.
- A dapat
  - B belum
  - C harus
  - D pernah

66. Roti kaya itu tidak boleh dimakan kerana \_\_\_\_\_ tamat tarikh luputnya.  
A akan  
B telah  
C belum  
D pernah
67. Mary \_\_\_\_\_ dilantik sebagai ketua kelas Tahun Dua Bijak.  
A dapat  
B belum  
C hendak  
D pernah
68. Adik Amira \_\_\_\_\_ khatam al-Quran sebanyak tiga kali.  
A sudah  
B mesti  
C mahu  
D wajib
69. Nenek \_\_\_\_\_ berada di bendang ketika saya dan rakan-rakan sampai di kampung.  
A mahu  
B akan  
C masih  
D pernah
70. Pada bulan Julai nanti, ayah \_\_\_\_\_ membawa kami sekeluarga ke Pulau Langkawi.  
A pernah  
B masih  
C dapat  
D akan

71. Balan dipuji oleh Guru Besar kerana \_\_\_\_\_ menjawab soalan teka- teki itu dengan tepat.
- A dapat
  - B mesti
  - C harus
  - D sedang
72. Pelumba basikal itu \_\_\_\_\_ menamatkan perlumbaannya dalam masa dua jam.
- A sedang
  - B belum
  - C telah
  - D akan
73. Peserta-peserta itu \_\_\_\_\_ mengaku kalah dalam pertandingan itu.
- A masih belum
  - B telah pernah
  - C mesti mahu
  - D masih akan
74. Sebelum terbabit dalam kemalangan itu, En. Ganesan yang memandu kereta Proton Waja \_\_\_\_\_ dalam perjalanan ke Alor Star.
- A sedang
  - B mesti
  - C telah
  - D akan
75. Elina \_\_\_\_\_ gagal dalam peperiksaan SPM kerana itulah dia tekun belajar sekarang.
- A masih belum
  - B belum pernah
  - C sudah pernah
  - D masih sedang



76. Kim Seng \_\_\_\_\_ memungut mata terbanyak bagi memastikan pasukannya menjuarai pertandingan itu.
- A telah
  - B harus
  - C mesti
  - D sudah
77. Puan Marina \_\_\_\_\_ meninggalkan rumah ketika telefon berdering.
- A akan dapat
  - B masih mahu
  - C sudah dapat
  - D sedang hendak
78. Pelajar itu \_\_\_\_\_ bertutur dalam bahasa Jepun dengan baik.
- A mahu
  - B dapat
  - C sudah
  - D hendak
79. Suzana \_\_\_\_\_ ditimpa kemalangan jalan raya semasa pulang dari tempat kerja pada tahun lalu.
- A pernah
  - B sudah
  - C mesti
  - D akan
80. Setelah menghadapi pelbagai halangan dan rintangan akhirnya pasukan bola sepak sekolah \_\_\_\_\_ menjadi juara peringkat daerah.
- A akan
  - B telah
  - C mesti
  - D sudah

81. Setelah menghuni rumah tersebut selama sebulan kami \_\_\_\_\_ mengenali jiran tetangga.
- A tidak akan
  - B masih belum
  - C sedang akan
  - D sudah pernah
82. Semua remaja yang berumur 17 tahun \_\_\_\_\_ menyertai PLKN bagi memantapkan jati diri terhadap negara.
- A harus
  - B boleh
  - C mesti
  - D sedang
83. Sebelum memulakan perjalanan jauh, kita \_\_\_\_\_ memeriksa kenderaan bagi mengelakkan sebarang masalah ketika memandu.
- A boleh
  - B belum
  - C masih
  - D harus
84. Untuk memastikan keselamatan rumah, kita \_\_\_\_\_ lah memeriksa dan memastikan semua punca elektrik dan api ditutup.
- A akan
  - B mahu
  - C hendak
  - D sedang
85. Untuk memiliki lesen memandu, seseorang itu \_\_\_\_\_ lah berumur lapan belas tahun keatas dan sihat.
- A hendak
  - B sudah
  - C mahu
  - D masih

86. Setelah seharian mendaki Gunung Kinabalu, para peserta keletihan dan mereka \_\_\_\_\_ berehat secukupnya sebelum meneruskan pendakian.
- A pernah
  - B perlu
  - C akan
  - D telah
87. Semua calon peperiksaan PMR \_\_\_\_\_ membawa kad pengenalan ke dalam dewan peperiksaan.
- A masih
  - B mesti
  - C akan
  - D pernah
88. Syafiq dan Badrul telah menghadiri ujian pemilihan bola sepak selama dua hari dan akhirnya mereka \_\_\_\_\_ mewakili sekolah.
- A boleh
  - B mahu
  - C mesti
  - D sedang
89. Cikgu Karim telah memberi tempoh selama dua minggu untuk menyiapkan Folio Sains tetapi malangnya tiada sesiapa pun yang \_\_\_\_\_ menyiapkannya.
- A telah
  - B belum
  - C pernah
  - D hendak
90. Walaupun sudah ditegur beberapa kali, Nizam masih tidak \_\_\_\_\_ mendengar nasihat daripada ibu bapanya.
- A pernah
  - B mahu
  - C mesti
  - D boleh

Kata bantu

1	A	31	A	61	A
2	C	32	A	62	A
3	B	33	A	63	C
4	A	34	B	64	A
5	B	35	B	65	B
6	D	36	B	66	B
7	D	37	C	67	D
8	C	38	A	68	A
9	A	39	C	69	C
10	C	40	D	70	D
11	B	41	A	71	A
12	C	42	C	72	C
13	A	43	D	73	A
14	B	44	A	74	A
15	D	45	B	75	C
16	C	46	D	76	C
17	B	47	B	77	D
18	A	48	A	78	B
19	C	49	A	79	A
20	A	50	A	80	B
21	B	51	C	81	B
22	C	52	B	82	C
23	A	53	C	83	D
24	B	54	A	84	C
25	C	55	B	85	A
26	C	56	A	86	B
27	D	57	C	87	B
28	D	58	D	88	A
29	D	59	A	89	A
30	A	60	C	90	B